

**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
BILANGAN TAWARAN: EGNC/PM/4.1/3.2018**

“Penukaran *Internet Service Provider* (ISP) bagi Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri”

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Syarikat atau perusahaan yang berminat untuk ikut serta di dalam tawaran ini mestilah berpengalaman dalam menyediakan perkhidmatan internet.
2. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk menyertai Tawaran ini adalah dimestikan terlebih dahulu untuk membuat pendaftaran dan menyediakan keterangan perniagaan di dalam Business Reporting (BP) Portal. Maklumat lanjut mengenai pendaftaran ini bolehlah dibuat www.business.gov.bn.
3. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk menyertai Tawaran ini juga hendaklah memenuhi keperluan kuadran *Highly Specialised* di dalam Dasar Pembangunan Perniagaan Tempatan bagi Industri ICT (Local Business Development, LBD). Maklumat lanjut mengenai dasar ini bolehlah dilihat melalui laman sesawang www.ei.gov.bn/ICTLBD/Home.aspx
4. Mana-mana syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas hendaklah membuat pembayaran bagi harga yuran tawaran yang berjumlah \$100.00 dan seterusnya mendapatkan dokumen tawaran dalam bentuk cakera padat berjumlah \$5.00 dari:

**SEKSYEN KEWANGAN, DIVISYEN PENGURUSAN KEWANGAN
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN, JABATAN PERDANA MENTERI
SIMPANG 69-18, JALAN E-KERAJAAN, GADONG BE1110,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

pada setiap hari **Isnin hingga hari Khamis** dari jam **8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi** sahaja.

5. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:-

BILANGAN TAWARAN: EGNC/PM/4.1/3.2018

“Penukaran *Internet Service Provider* (ISP) bagi Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri”

tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada:-

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL
JABATAN PERDANA MENTERI
JALAN MENTERI BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

tidak lewat dari **jam 2.00 petang** pada hari **Selasa, 24hb Julai 2018**

6. Tawaran-tawaran tersebut mestilah dihantar menggunakan borang Tawaran yang telah disediakan dengan menyertakan Sijil Pendaftaran Syarikat yang terkini.
7. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.
9. Sesi penerangan tawaran akan diadakan pada **hari Khamis, 5hb Julai 2018** bertempat di Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Simpang 69-18, Jalan E-Kerajaan, Gadong BE1110 pada jam **9.30 pagi**.
10. Syarikat yang berminat untuk menghadiri sesi penerangan berkenaan hendaklah menghadapkan tiga (3) orang nama wakil kepada Jabatan ini melalui e-mel cm@egc.gov.bn atau melalui fax: (673) 2424940.
11. Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan sesi penerangan tersebut bolehlah menghubungi ke Jabatan ini melalui talian telefon: (673) 2424955 sambungan 134 atau e-mel cm@egc.gov.bn